

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)53**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB HENG LEE LEE**

53. Ramai penduduk KADUN Berapit sering membuat aduan terhadap tekanan air rendah.
- (a) Nyatakan perancangan penaiktarafan / penukaran paip air di KADUN Berapit dengan teliti.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

53. (a) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mengambil maklum berkenaan aduan di KADUN Berapit mengenai isu tekanan air rendah. Kerajaan Negeri melalui PBAPP telah mengambil langkah dan usaha menukar paip-paip lama ini di bawah Program Pengurusan Aset PBAPP bagi projek penggantian paip sepanjang 155 kilometer melibatkan 85 projek dari tahun 2024 sehingga 2026 dengan jumlah kos sebanyak RM151 juta. Bagi KADUN Berapit, terdapat dua projek penggantian paip air akan dilaksanakan di Taman

Tenang, Bukit Mertajam dan Jalan Megat Harun (bersempadan dengan DUN Padang Lalang) sepanjang 3.7 kilometer yang dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 2025 dengan kos pembinaan berjumlah RM5.5 juta.